21 SEP 2002
BAJET-PERTUMBUHAN/I
BAJET 2003 LETAK PARAMETER BAGI PERTUMBUHAN JANGKA PANJANG

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Bajet 2003, yang secara komprehensif meliputi hampir semua sektor, telah meletakkan parameter bagi pertumbuhan jangka panjang, kata pengerusi Percetakan Negara Malaysia Bhd, Tan Sri Clifford Herbert.

"Perubahan-perubahan cukai kelihatan amat spesifik dan terfokus. Bajet itu cuba meletakkan arah haluan bagi pertumbuhan masa depan," katanya pada Perbincangan Panel Pasca Bajet 2003 di sini hari ini.

Clifford berkata bahawa belajawan masa depan akan lebih khusus dalam cuba mencapai "medan paradigma" seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat semalam.

Mengenai belanjawan defisit itu, katanya bahawa ia tidak seharusnya berterusan sedemikian dan hendaklah ada satu strategi bagi Bajet yang berimbang.

Negara patut berusaha ke arah ini menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelapan, katanya.

Clifford turut menyentuh mengenai perubahan terminologi daripada "Belanjawan kepada Bajet." Belau berkata ini adalah betul.

Semalam, Dr Mahathir berkata bahawa "Belanjawan" mungkin tidak tepat kerana perkataan "Bajet" bermakna satu rancangan hasil dan perbelanjaan bagi sesuatu tempoh.

Dalam Bahasa Malaysia, anggaran kewangan bagi tahun berikutnya dirujuk sebagai "Belanjawan," dan adalah tidak berhemat memperuntukkan perbelanjaan tanpa mengambil kira sumber-sumber hasil.

Sementara itu, naib presiden Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), Datuk Paul Low, berkata bahawa Bajet 2003 mencerminkan langkah negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan menangani keperluan bagi globalisasi dengan menggunakan langkah-langkah fiskal.

Bagaimanapun, ia tidak menangani langkah-langkah bukan fiskal seperti penggunaan cekap prasarana sedia ada, cara-cara meningkatkan produktiviti dan meningkatkan budaya penyenggaraan yang lemah di Malaysia, katanya.

Langkah-langkah itu sama penting untuk mengujudkan landasan pelaburan yang berhemat bagi masyarakat peniaga untuk bersaing di arena global kerana keperluan mempunyai lebih banyak kakitangan mahir dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, katanya.

Mengenai pengurangan cukai korporat lapan peratus bagi industri-industri kecil dan sederhana (IKS), beliau merasakan bahawa galakan-galakan seperti geran langsung akan lebih berkesan untuk menggalakkan mereka meluaskan perniagaan mereka.

"Saya harus menekankan bahawa PKS semata-mata tidak boleh meningkatkan pelaburan domestik kerana PKS hanya akna melabur jika mereka mampu bersaing atau meluaskan agihan pasaran mereka, dengan itu, memberikan geran adalah lebih berdayamaju," kata beliau. -- BERNAMA

MAS/SM FR OS